KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

# SEKTOR PEMBELAJARAN
# JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

# SET ANJAKAN SIMETRI
# PENDIDIKAN MORAL SPM 2023

## PENDIDIKAN MORAL

**DUA JAM TIGA PULUH MINIT**
**SET 9**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **TIGA** *bahagian :* **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**

2. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **Bahagian C** dan **SATU** *soalan dalam* **Bahagian B.**

3. *Semua jawapan hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*

4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

| **Untuk Kegunaan Pemeriksa** | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh | |
| **A** | 1 | 10 | | |
| | 2 | 10 | | |
| | 3 | 10 | | |
| | 4 | 10 | | |
| | 5 | 10 | | |
| **B** | 6 a) | 4 | | |
| | 6 b) | 6 | | |
| | 7 a) | 2 | | |
| | 7 b) | 8 | | |
| **C** | 8 a) | 4 | | |
| | 8 b) | 6 | | |
| | 8 c) | 10 | | |
| | 9 a) | 4 | | |
| | 9 b) | 8 | | |
| | 9 c) | 8 | | |
| Jumlah | | 100 | | |

**BAHAGIAN A**

(50 MARKAH)

*Jawab **semua** soalan.*

1 Gambar di bawah menunjukkan isu penggunaan *"vape"* dalam kalangan murid sekolah.




*(Sumber: Harian Metro)*

a) Nyatakan cara individu berkeperibadian mulia untuk mengelakkan gejala negatif tersebut.

…………………………………………………………………………………………………..

…………………………………………………………………………………………………..

[2 *markah*]

b) Jelaskan punca murid-murid sekolah terlibat dalam penggunaan vape.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

c) Rakan anda membawa alat vape ke sekolah tanpa pengetahuan guru kelas anda.
Bincangkan tindakan yang anda akan ambil.

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

2 Petikan berikut berkenaan dengan isu vandalisme.

| |
|---|
| Aril dan Vicky merupakan dua rakan baik yang sering menimbulkan masalah dan melakukan vandalisme. Pada suatu malam, Aril dan Vicky ditangkap oleh polis peronda di atas kesalahan vandalisme pada sebuah kereta. Walaupun Aril berasal daripada keluarga yang berpengaruh dan Vicky berasal daripada keluarga biasa, mereka tetap dikenakan hukuman yang setimpal mengikut undang-undang. |

a) Berikan pendapat anda tentang tindakan polis peronda dalam memberikan hukuman kepada Aril dan Vicky.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[3 *markah*]

b) Jelaskan prinsip yang digunakan oleh polis peronda semasa memberikan hukuman kepada Aril dan Vicky.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

c) Sebagai seorang rakan, apakah tindakan anda apabila mengetahui bahawa Aril dan Vicky terlibat dengan vandalisme?

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[3 *markah*]

3 Maklumat berikut berkaitan dengan gejala sosial yang semakin menular di negara kita.

**Tangkapan kes rasuah meningkat 23 peratus tahun lepas**

MUHAMMAD AMNAN IBRAHIM | 20 November 2020

SHAH ALAM - Bilangan tangkapan kes jenayah rasuah di Malaysia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun lepas menunjukkan peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2018.

Ketua Jabatan Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, statistik menunjukkan peningkatan bagi kesalahan memberi dan menerima rasuah meningkat 79 peratus.

Rasuah menjejaskan integriti sesebuah organisasi dan keyakinan orang ramai. Namun, paling serius adalah mengakibatkan peningkatan kos hidup, mengurangkan akses kepada perkhidmatan asas seperti kesihatan, pendidikan dan keadilan.

*(Sumber: Sinar Harian, 20 November 2020)*

a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan maksud integriti organisasi.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[2 *markah*]

b) Jelaskan kepentingan integriti dalam sesebuah organisasi.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

c) Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh sesebuah organisasi bagi membendung gejala rasuah.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[4 *markah*]

4 Gambar di bawah menunjukkan had umur pengundi pilihan raya pada masa kini.




*(Sumber: Parlimen Malaysia)*

a) Senaraikan kepentingan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia dalam pilihan raya.

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[2 *markah*]

b) Jelaskan kesan sekiranya rakyat mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang pengundi.

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[4 *markah*]

c) Somu berusia 18 tahun dan menuntut di sebuah universiti luar negara. Patutkah dia pulang ke tanah air untuk mengundi semasa pilihan raya dijalankan? Berikan justifikasi anda.

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

..................................................................................................................................................

[4 *markah*]

5 Gambar di bawah menunjukkan Leena pada hari promosi 12.12.



*(Sumber: Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 5, ms 150)*

a) Jelaskan perasaan anda apabila melihat perbuatan Leena.

…………………………………………………………………………………………………...

…………………………………………………………………………………………………...

[2 *markah*]

b) Pada pendapat anda, sejauh manakah pengurusan kewangan yang beretika dapat membantu Leena berbelanja secara berhemah?

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

[4 *markah*]

c) Huraikan kesan jangka panjang sekiranya sikap boros berbelanja tidak dapat dibendung oleh Leena dalam kehidupan seharian.

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

………………………………………………………………………………………………….

[4 *markah*]

**BAHAGIAN B**

(10 MARKAH)

Jawab ***satu*** soalan sahaja.

6 Maklumat berikut berkaitan dengan perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.



*(Sumber: Berita Harian)*

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain. Keunikan ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah bahasa, makanan, pakaian dan perayaan.

a) Nyatakan **dua** contoh makanan tradisional kaum Cina di Malaysia.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[2 *markah*]

b) Generasi muda hari ini harus menyedari tentang kepentingan perpaduan agar keunikan seperti di atas dapat dipertahankan. Huraikan kepentingan keunikan rakyat Malaysia.

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………………

[8 *markah*]

7 Gambar di bawah berkaitan dengan perniagaan atas talian.



*(Sumber: https://nurraysa.com/5-kelebihan-berniaga-secara-online/)*

a) Berikan maafaat yang diperoleh apabila seseorang itu menjalankan perniagaan atas talian.

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

[2 *markah*]

b) Terangkan kesan sekiranya seseorang individu yang terlibat dalam perniagaan atas talian mengurus kewangan secara tidak beretika.

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

.............................................................................................................................................

[8 *markah*]

**BAHAGIAN C**

(40 MARKAH)

Jawab ***semua*** soalan.

8 Gambar di bawah menunjukkan situasi di sebuah bandar besar.




(*Sumber: https://www.wilayahku.com.my/gelandangan-pelarian-dalam-senarai-golongan-rentan-pm/)*

a) Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan masalah gelandangan di bandar besar?

[4 *markah*]

b) Bincangkan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk memastikan nasib golongan ini terus terbela. Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[8 *markah*]

c) Pada pendapat anda, jelaskan kesan kepada golongan gelandangan jika masyarakat mengabaikan sikap berperikemanusiaan dalam kehidupan seharian.

[8 *markah*]

9 Program Pertukaran Pelajar merupakan usaha terbaik ke arah memupuk persefahaman kebudayaan dalam kalangan masyarakat global.




*(Sumber: https://www.ciklaili.com/2013/02/program-pertukaran-pelajar-malaysia-ke.html)*

a) Andaikan anda terpilih untuk mewakili negara dalam program di atas. Berikan perlakuan moral yang sewajarnya dipraktikkan.

[4 *markah*]

b) Huraikan kebaikan yang diperoleh oleh pelajar daripada kedua-dua negara yang menyertai program ini.

[8 *markah*]

c) Duta kecil ialah individu yang dilantik sebagai wakil ke negara asing untuk memperkenalkan Malaysia. Sekiranya anda dilantik sebagai duta kecil, bagaimanakah anda mempromosikan budaya Malaysia kepada masyarakat global? Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[8 *markah*]

**SOALAN TAMAT**